

SUMBANGAN DAN PERANAN SHAYKH SHAMS AL-DĪN AL-SUMATERĀ'Ī TERHADAP PERKEMBANGAN ISLAM DI NUSANTARA

(The Contribution and Role of Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī to the
Development of Islam in Malay Archipelago)

¹ MOHD HAIDHAR KAMARZAMAN

¹ ABDULL RAHMAN MAHMOOD

¹ Jabatan Usuludin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Aceh merupakan pusat penyebaran Islam terbesar di Nusantara sesudah kejatuhan kerajaan Melaka pada 1511 Masihi. Ini kerana Aceh menjadi pusat tumpuan perdagangan antarabangsa yang menghubungkan di antara beberapa negara Islam di Timur Tengah dengan kepulauan Nusantara. Di antara ulama yang memainkan peranan utama dalam menyebarkan dakwah Islam adalah Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī. Beliau telah menjadi Qāḍī Mālik al-'Ādil di sepanjang tiga pemerintahan Sultan di Aceh. Makalah ini menfokuskan untuk meneliti sumbangan dan peranan Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī dalam perkembangan Islam di Nusantara. Kajian ini menggunakan metode yang merangkumi pengumpulan data, analisis kandungan, analisis berasaskan sejarah, analisis perbandingan, dan metode induktif dan deduktif. Kajian ini menunjukkan bahawa Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī berjaya menyebarkan dakwah Islamnya melalui kedudukan politiknya dan juga karya-karyanya. Di antara sumbangan Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī terhadap dakwah Islam adalah merangkumi dua dimensi asas Islam iaitu akidah dan tasawwuf sama ada kepada masyarakat Nusantara mahupun negara yang berada di luar kepulauan Nusantara.

Kata Kunci: Islam di Nusantara; Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī; ulama Aceh; Shaykh Shams al-Dīn Pasai; Islam di Aceh

ABSTRACT

Aceh was the largest Islamic propagation center in Malay Archipelago after the fall of Malacca in 1511 AD. This was because Aceh had become the focal point of international trade that linked between some Muslim countries in the Middle East with the Malay Archipelago. Among the scholars who played a major role in spreading the message of Islam was Shaykh Shams al-Din al-Sumaterā'ī. He had been a Qāḍī Mālik al-'Ādil during the reign of the three Sultans of Aceh. This study focused on examining the contribution and role of Shaykh Shams al-Din al-Sumaterā'ī in the development of Islam in the Malay Archipelago. This study uses several methods which includes data collection, content analysis, history-based analysis, comparative analysis, and inductive and deductive methods. This study showed that Shaykh Shams al-Din al-Sumaterā'ī successfully propagated Islam through his political position and his works. Among the contributions of Shaykh Shams al-Din al-Sumaterā'ī is comprised of two basic dimensions, which is Theology and Sufism, disseminated either to the communities in Malay Archipelago or in other countries.

Keyword: *Islam in Malay Archipelago; Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī; Aceh's scholar; Shaykh Shams al-Dīn Pasai; Islam at Aceh*

PENGENALAN

Sekitar abad ke-17 Masihi merupakan abad yang terpenting dalam perkembangan akidah di Aceh. Ini kerana setelah kejatuhan kerajaan Melaka pada 1511 Masihi, Aceh menjadi tempat tumpuan perkembangan dan penyebaran dakwah Islam di seluruh Nusantara dan antarabangsa sama ada melalui perdagangan mahupun melalui ulama-ulama di Aceh. Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī merupakan salah seorang tokoh ulama yang hidup sekitar abad tersebut dan merupakan mufti atau Qāḍī Mālik al-'Ādil di sepanjang tiga pemerintahan Sultan di Aceh iaitu bermula dengan Sultan Alā' al-Dīn Riayat Shah (1589-1604), Sultan Muda 'Alī Riayat Shah (1604-1607) dan juga Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636). Malahan beliau juga menjadi rujukan kepada masyarakat terhadap apa juga permasalahan (T. Iskandar 1966).

RIWAYAT HIDUP

Dapatan dan fakta tidak banyak ditemui mengenai latar belakang Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī dari tulisan-tulisan lama mahupun baru. Malahan latar belakang mengenai keluarganya juga tidak dapat ditemui. Daripada sumber-sumber di Asia,

antara penulisan yang menceritakan mengenai latar belakang Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī adalah dari hikayat Aceh, adat Aceh, dan kitab *Bustān al-Salāfīn* karangan Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī. Manakala sumber-sumber dari Barat pula banyak didapati dari kisah-kisah perjalanan Frederich de Houtman, James Lancaster dan John Davis ke Aceh.

Nama sebenar beliau adalah Shaykh Shams al-Dīn Ibn 'Abd Allāh (al-Sumaterā'ī t.th. b). Para sarjana bersepakat tidak dapat menentukan tarikh lahirnya yang sebenar kerana tiada bukti penemuan mengenainya. Menurut Van Nieuwenhuijze (1945), tarikh lahir Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī sukar untuk dianggarkan kerana tiada dokumen atau apa-apa bukti yang dapat menyokongnya. Apa yang ditemui hanyalah menyebut bahawa ketika zaman pemerintahan Sultan Alā' al-Dīn Riayat Shah (1589-1604) beliau sudah pun menjadi Shaykh al-Islam dalam pemerintahan Sultan Aceh.

Pada zaman pemerintahan Sultan Alā' al-Dīn Riayat Shah ini, Sultan Iskandar Muda masih lagi kecil dan baru berusia 10 tahun, datang utusan dari Portugis yang menyerahkan surat kepada Sultan Alā' al-Dīn. Orang yang disuruh membaca surat itu adalah *Shaykh al-Islam* iaitu Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī (T. Iskandar 2001). Wakil dari Portugis itu adalah John Davis (atau nama yang diguna dalam *Hikayat Aceh* adalah Dong Dawis) dan ada bersamanya Dong Tumis (tidak dinyatakan nama sebenarnya oleh T. Iskandar) dan peristiwa ini dikatakan terjadi pada tahun 1599 (T. Iskandar 2001). Pada waktu kedatangan Thomas Best pada tahun 1613, Sultan Iskandar Muda sudah pun berusia 32 tahun (Lombard 1986).

Dengan itu menurut perkiraan, kedatangan utusan Portugis itu adalah pada 1592 dan bukan 1599 sebagaimana yang didakwa. Oleh itu ramai sarjana beranggapan bahawa sekitar abad ke-16 Masihi lagi Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī sudah pun menjadi seorang ulama terpenting pada abad itu dalam pentadbiran Kerajaan Aceh Darussalam dan beliau berada di kemuncak kariernya di sisi Sultan.

Disebutkan juga lagi dalam Hikayat Aceh bahawa, pada suatu ketika terdapat dua orang yang baru kembali dari menunaikan haji di Mekah iaitu Haji Ahmad dan Haji Abdullah. Sesampainya mereka ke Aceh, mereka bertemu dengan Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī dan menceritakan perihal ketika berada di Madinah, mereka telah ditanya oleh banyak ulama dalam sebuah majlis mengenai kerajaan Aceh. Antara ulama yang hadir pada ketika itu adalah Shaykh Şibghatallāh, Shaykh Muḥammad Mukarram, dan Mīr Ja'fār. Setelah Ahmad mengaku bahawa mereka berdua dari Aceh, beliau ditanya mengenai Aceh dan Sultannya iaitu Iskandar Muda. Keterangan yang mereka berikan telah dibenarkan oleh Basyah Yaman yang

mengaku telah mendengar cerita mengenai Aceh di Istanbul dari Sultan Turki (T. Iskandar 2001):

Apakala sampai ia ke Aceh Darussalam, maka datang ia kepada Shaykh Shams al-Dīn. Maka diceriterakannyalah kepadanya perinya ditanyai orang Medinah menyatakan cerita Aceh dan menyatakan cerita Seri Sultan Johan Alam dan perikata Basyah Yaman membenarkan ceritanya itu. Maka akan kata Basyah Yaman: “Bahawa kami sekalian di negeri Istanbul mendengar warta ini daripada ceritera dua orang *celebi* yang datang dari Aceh itu. Setelah itu datang pula Mīr Ja’fār ke Aceh. Apabila ia datang ke Aceh, maka datang ia kepada Shaykh Shams al-Dīn. Maka Mīr Ja’fār pun menceriterakan segala ceritera seperti ceritera Haji Ahmad dan Haji Abdullah itu jua.

Mīr Ja’fār adalah merupakan seorang sufi yang sangat berpengaruh di Mekah. Beliau juga memberikan penghormatan kepada Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaṭerā’ī ketika beliau datang ke Aceh (Ito Takeshi 1984). Tarikh pertemuan di antara Mīr Ja’fār dan dua orang Haji tersebut tidaklah diketahui secara tepat akan tetapi perkara tersebut telah dikenal pasti berdasarkan dua orang *celebi* (bangsawan) yang pulang dari Aceh ke Istanbul.

Menurut Abdul Aziz Dahalan (1999) juga dua orang *celebi* ini sampai di Aceh ketika mana Sultan Iskandar Muda sedang menakluk kota Deli (sebuah kota di Timur Sumatera). Peristiwa tersebut direkodkan oleh al-Ranīrī dalam *Bustān al-Salāṭīn* pada 1021 Hijrah dan Lombard (1986) mengatakan ianya berlaku pada 1612 Masihi iaitu sekitar dekad kedua abad ke-17 Masihi. Perkara ini dengan jelas menunjukkan bahawa Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaṭerā’ī masih lagi merupakan ulama atau Shaykh yang terpenting dalam kerajaan Aceh pada waktu tersebut (Abdul Aziz Dahlan 1999).

Kehidupan Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaṭerā’ī di kemuncak kariernya ini juga pernah direkodkan oleh sarjana dari Barat antaranya adalah fakta yang paling tua ditemui dari Frederich de Houtman iaitu seorang pelaut dari Belanda yang pernah tiba di Aceh pada tahun 1599. Beliau menyebut dalam bukunya berjudul *Cort Varhael van tgene wandervaren is Frederick de Houtman, tot Atchein (1603)* dengan ungkapan terhadap Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaṭerā’ī sebagai ‘Cheech den oppersten raetsheer van dan Coninck’ iaitu bermaksud Shaykh Penasihat Agung Raja (Van Nieuwenhuijze 1945).

Manakala maklumat yang dipetik dari Van Nieuwenhuijze (1945), John Davis (atau Dong Dawis sebagaimana yang disebut oleh Hikayat Aceh) iaitu pelaut Inggeris yang mengikuti kapal *Cornelis de Houtman* membuat catatan harian

tentang kehadiran beliau di Aceh. Di antara catatannya pernah menyebut mengenai *aartsbisschop* iaitu uskup agung tersebut. Van Nieuwenhuijze (1945) menyatakan sebagaimana yang diterjemah oleh Abdul Aziz Dahalan (1999):

Bangsa ini membanggakan diri berasal dari Ismail dan Hajar dan dapat dengan sempurna menghubungkan silsilah mereka ke sana, sebagaimana hal itu terdapat dalam Bible. Tentang agama mereka adalah para pengikut Muhammad, dan (seperti umat Katolik) melakukan 'doa' dengan biji-biji tasbih. Mereka mendidik anak-anak mereka dan memiliki banyak sekolah. Mereka memiliki seorang imam besar dan para rohanian, juga ada di Aceh seorang 'nabi' yang sangat mereka hormati. Orang mengatakan bahawa ia memiliki roh kenabian, seperti yang dimiliki para nabi terdahulu, dia diistimewakan dan dialu-alukan secara luar biasa oleh raja.

Siapa yang dimaksudkan dengan *aarts bischop* dan siapa yang dimaksudkan dengan nabi tersebut masih lagi menjadi tanda tanya. Ada pendapat yang mengatakan bahawa *aartsbischoep* itu adalah Hamzah Fansuri dan ada sebahagiannya mengatakan *aartsbischoep* itu adalah Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī (Van Nieuwenhuijze 1945). Pendapat yang lebih kuat adalah *chiefe bishope* atau *aartsbischoep* tersebut ialah Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī kerana dari sumber yang terbatas ini, disebut bahawa Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī merupakan *Shaykh al-Islam*, penasihat raja, imam, anggota perunding, dan juru bicara kerajaan Aceh Darussalam dan cukup lama berperanan sebagai orang penting dalam istana sekitar tiga hingga empat dekad. Kemantapan Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī dalam kedudukan di istana pada jangka masa yang begitu panjang memberi isyarat bahawa beliau merupakan seorang ulama yang sangat hebat dan unggul berbanding ulama yang lain di sisinya pada ketika itu.

Mengenai tarikh kewafatan Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī pula, ianya pernah dinyatakan dalam salah satu karya al-Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī iaitu *Bustān al-Salāṭīn*. Berdasarkan kepada kitab *Bustān al-Salāṭīn* (al-Ranīrī 1907), Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī wafat sekitar 12 Rejab 1039 Hijrah. Pada waktu itu Sultan Iskandar Muda sedang berusaha menakluki Melaka menitahkan tenteranya untuk menyerang Melaka. al-Ranīrī (1907) menggambarkan bahawa telah wafat seorang ulama yang alim dalam segala ilmu dan termasyhurnya ilmu beliau pada ilmu tasawwuf dan beberapa kitab yang lain. Dalam *Bustān al-Salāṭīn* beliau menyatakan:

Syahdan pada masa itulah wafat Shaykh Shams al-Dīn Ibn 'Abd Allāh al-Sumaterā'ī pada malam *ithnayn* dua belas hari bulan Rejab pada Hijrah 1039 tahun. Adalah Shaykh itu alim pada segala ilmu dan ialah yang termasyhur pengetahuannya pada ilmu tasawwuf dan beberapa kitab yang dita'rifkannya.

Jikalau menurut pendapat Abdul Aziz Dahalan (1999), kisah serangan Aceh ke atas Melaka yang gagal ini berlaku pada November 1629 Masihi (1038 Hijrah) manakala tarikh wafat Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī ini bertepatan dengan 24 Febuari 1630 Masihi (12 Rejab 1039 Hijrah).

Tempat kelahiran dan juga tempat Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī menghabiskan zaman remaja juga tidak dapat dipastikan dengan tepat, tetapi berdasarkan kepada kalimah al-Sumaterā'ī yang tertulis sebagai gelaran beliau dalam hampir kebanyakan kitab-kitab beliau sendiri, dapat dipercayai bahawa Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī merupakan seorang ulama yang berasal dari Sumatera atau Samudera Pasai. Seandainya beliau bukan lahir di sana sekalipun, beliau boleh dikatakan pernah berada di sana buat beberapa waktu kerana tradisi ulama dahulu meletakkan gelaran di belakang nama mereka berdasarkan tempat asal kelahiran sebagaimana yang dilakukan juga oleh Hamzah Fansuri iaitu guru kepada Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī atau nama gelaran di belakang nama mereka itu adalah tempat mereka menetap sehingga mereka wafat (Abdul Aziz Dahalan 1999).

GURU-GURU SHAYKH SHAMS AL-DĪN AL-SUMATERĀ'Ī

Latar belakang mengenai guru Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī tidak banyak yang diketahui. Cuma pendidikan awalnya dinyatakan oleh A. Hasjmy (1976) dalam *Ruba'i Hamzah Fansuri* sebagai seorang yang menerima pendidikan dari bapanya Abdullah. Pandangan ini berdasarkan pada wujudnya keterangan bahawa Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī dilahirkan dan dibesarkan dalam keluarga intelektual dan berpendidikan.

Sebilangan sarjana seperti A. Hasjmy (1976) dan Hawash Abdullah (1980) pula berpendapat bahawa Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī adalah murid kepada Shaykh Hamzah Fansuri berdasarkan kepada dua karya Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī yang jelas mensyarahkan kitab karya Shaykh Hamzah Fansuri iaitu *Ruba'i Hamzah Fansuri* dan *Syair Ikan Tongkol* dengan judul *Syarah Ruba'i Hamzah Fansuri* dan *Syarah Syair Ikan Tongkol*. Manakala sebilangan sarjana lain seperti Nieuwenhuijze berpendapat bahawa mereka hanyalah bersahabat.

Selain itu juga Winstedt (1977) merekodkan bahawa, Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī juga pernah berguru dengan Pangeran Bonang di Pulau Jawa. Pangeran Bonang ini adalah Sunan Bonang sebagaimana yang disebut Abdul Aziz Dahalan (1999). Walau bagaimanapun Abdul Aziz Dahalan (1999) masih lagi mempertikai mengenai hubungan guru dan murid di antara Sunan Bonang dan Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī kerana Sunan Bonang sebagaimana dapatan kajiannya sebelum

ini dikatakan wafat pada 1525 Masihi. Ketika Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī lahir, Sunan Bonang pada ketika itu mungkin sudah 105 tahun umurnya, melainkan jika ada fakta yang mengatakan beliau wafat bukan pada 1525 Masihi.

Berdasarkan kepada sumber yang terbatas ini, sememangnya hanya beberapa pendapat sahaja yang menyatakan dengan jelas mengenai guru-guru Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī. Malahan fakta mengenai murid Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī juga tidak dapat ditemui. Walau bagaimanapun jika diteliti semula dalam riwayat hidupnya, Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī merupakan seorang ulama yang sangat alim, *faqih*, dan sangat dihormati kerana ilmunya. Malahan beliau juga dikenali dan dihormati oleh ulama-ulama dari Timur Tengah yang datang ke Aceh. Tidak mungkin seorang ulama yang sangat hebat dan fasih berbahasa Arab sebagaimana yang direkodkan oleh Lancaster (1940) dan tinggi ilmunya seperti yang diakui oleh al-Ranīrī (1907) mempunyai jumlah guru yang sangat sedikit. Beliau mungkin juga pernah merantau di luar dari Aceh bahkan mungkin sehingga ke Tanah Arab, sehingga mampu berbicara dengan fasih dalam bahasa Arab dan mempunyai keilmuan yang tinggi.

Selain itu, juga Aceh menjadi tumpuan mubaligh-mubaligh dan ulama-ulama Islam pada zaman Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī kerana sikap pembelaan terhadap Islam yang ditunjukkan oleh pemerintah pada ketika itu terutamanya pada zaman Sultan Iskandar Thānī sebagaimana yang disebut oleh al-Ranīrī (1907). Malahan berdasarkan kitab *Bustān al-Salāṭīn* (al-Ranīrī 1907), beberapa ulama juga telah datang ke Aceh dari Arab dan India seperti Shaykh Nūr al-Dīn Muḥammad Azharī, Shaykh Abū Khayr Shaykh Abū Yamanī, Shaykh Muḥammad Jailani dan lain-lain mengajarkan ilmu-ilmu Islam. Berkemungkinan besar juga Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī pernah berguru dengan para ulama yang pernah datang ke Nusantara dan mungkin juga mempunyai murid dengan orang-orang yang singgah di Aceh.

KARYA SHAYKH SHAMS AL-DĪN AL-SUMATERĀ'Ī

Sebagai seorang ulama yang berkaliber, Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī telah menulis beberapa buah kitab dalam bahasa Arab mahupun bahasa Melayu. Berdasarkan kepada pengumpulan data dan maklumat mengenai karya Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī, dapatlah dirumuskan bahawa Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī adalah penulis yang sangat menfokuskan kepada isu akidah dan tasawwuf terutamanya dalam perbincangan mengenai *wujudīyyah*. Karya penulisan beliau yang benar-benar fokus terhadap keseluruhan perbincangan dalam ilmu akidah adalah *Mirā'at al-Mukmin*. Manakala terdapat karya kecil beliau yang menyentuh

bahagian-bahagian dalam ilmu akidah seperti '*Aqīdat al-Islām fī Ma'rifat al-Īmān, Ḥifz al-Īmān* dan *Risālah Ḥaqīqat al-Īmān wa al-Islām*.

Dalam kebanyakan kitab Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaṭerā'ī, beliau menasihatkan bahawa mereka yang boleh membacanya hanyalah mereka yang telah pun mempunyai asas kefahaman terhadap ilmu tersebut. Manakala mereka yang telah memahaminya juga tidak perlu dibukakan hal-hal tersebut kepada masyarakat awam. Bagi orang awam pula, ianya tidak digalakkan. Ini kerana ditakuti berlaku salah faham terhadap ilmu-ilmu makrifat yang diajarkan oleh Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaṭerā'ī menyatakan (al-Sumaṭerā'ī t.th. c):

Adapun jika melihat seseorang kepada kitab ini serta memohonkan *tawfiq* dan hidayah daripada Allah Ta'ālā nescaya diperolehnya rahsia ilmu *ma'rifah haqīqah* itu *in shā' Allāh Ta'ālā* tetapi apabila terdapat oleh seseorang rahsia ilmu *ma'rifah* Allah yang tersebut dalamnya itu dengan nyatanya maka sayugiyanya ia memeliharakan dia dengan sempurna peliharanya dan disembunyikannya rahsia yang didapati itu dalam materi hatinya maka jangan dibukakan hanya kepada tempat yang harus ditunjukkannya dan kepada yang harus dibukakannya jua yakni kepada orang yang dapat mengetahui rahsia ilmu *ma'rifah* Allah itu jua kerana yang menyatakan rahsia ilmu *ma'rifah* Allah itu pada bukan tempatnya serasi khianat ia akan Allah Ta'ālā dan serasi khianat ia akan Nabi Muḥammad Rasulullah Sallallāhu 'Alayh Wa Sallam...

Walau bagaimanapun sebahagian kitab beliau memfokuskan pembaca dari kalangan masyarakat awam terutamanya dalam persoalan akidah. Boleh dikatakan juga terdapat dari kalangan penulisan-penulisan kitab beliau adalah merupakan komentar, penambahan atau ringkasan terhadap ajaran-ajaran ulama sebelumnya. Penulisan beliau sebahagiannya ada yang diterjemahkan dari Bahasa Parsi dan Arab ke dalam tulisan jawi. Hal ini menunjukkan bahawa beliau juga merupakan seorang ulama yang telah pun menguasai kedua-dua bahasa tersebut dengan baik. Antara kitab yang merupakan terjemahan dari Bahasa Parsi dan Arab adalah kitab *Mirā'at al-Mu'min*. (al-Sumaṭerā'ī t.th a) menyatakan bahawa:

...Shaykh Shams al-Dīn bin Abī 'Abd Allāh menta'rifkan risalat ini dengan tulisan jawi pada menyatakan perkataan *Uṣūl al-Dīn* daripada iktikad *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā'ah* yang pada mazhab Imām Shāfi'ī Raḍiyallāhu 'Anh supaya dimudahkan Allah Ta'ālā akan segala *Ṭālib al-'Ilm* yang tiada tahu Bahasa Arab dan Parsi...

Jumlah sebenar karya penulisan Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaṭerā'ī tidak diketahui, walau bagaimanapun penulis telah menemui hampir 26 daripadanya termasuk kitab dan risalah-risalah ringkas Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī.

Ianya sama ada dalam bentuk manuskrip atau tulisan yang telah *ditahqiq* dan ditransliterasikan dalam tulisan roman. Kebanyakan karya-karya yang ditemui adalah karya yang menjurus kepada ajaran-ajaran akidah dan tasawwuf yang dibawa oleh Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī. Antara karya yang lain telah ditemui merangkumi pelbagai bidang adalah, *Bayān Allāh, Kashf al-Sirr al-Rubūbiyyah fī Kamāl al-'Ubudiyyah, A'yān Thābitah Wa A'yān Khārijiyyah, Ḥaqq al-Yaqīn fī 'Aqīdat al-Muḥaqqiqīn, Mirā'at al-Mukmin, Kitāb 'Aqīdat al-Islām fī Ma'rifat Tafṣīl al-Īmān, Ḥifẓ al-Īmān, Risālat Ḥaqqīqat al-Īman wa al-Islām, Sharḥ Rubā'ī Hamzah Fansuri, Ṭarīq al-Sālikīn Wa Sabīl al-Sā'irīn, Sharḥ Syair Ikan Tongkol* dan banyak lagi. Kitab-kitab ini merupakan perbincangan berkaitan dengan pemikiran akidah dan tasawwuf beliau.

KONFLIK WUJUDIYYAH DI ACEH

Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī telah wafat pada 1630 Masihi dan tidak lama selepas itu Sultan Iskandar Muda menyusuli beliau wafat pada 27 Disember 1636 Masihi setelah memerintah Aceh selama 37 tahun 7 bulan 24 hari. Sultan Iskandar Thānī telah naik menggantikannya sebagai Sultan Aceh yang baharu (T. Iskandar 1966). Sultan Iskandar Thānī kemudiannya diangkat menjadi Sultan selepas dikatakan diwasiat oleh Sultan Iskandar Muda. Sultan Iskandar Thānī (1637-1641) merupakan menantu kepada Sultan Iskandar Muda yang dikahwinkan dengan puteri beliau Seri Alam Permaisuri (T. Iskandar 1966).

Semasa pemerintahan Sultan Iskandar Thānī, Aceh telah mencapai puncak kegemilangan politik dan intelektual di mana Aceh bukan hanya merupakan sebuah ibukota kerajaan yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran sahaja, malahan menjadi pusat perdagangan dan perkembangan intelektual di Nusantara. Ketika abad ke-17 ini, Aceh telah pun menguasai kebanyakan kawasan dari Sumatera Selatan dan Tengah serta sebahagian daripada Semenanjung Malaysia termasuk Johor dan Perak (al-Attas 1966). Dalam *Bustān al-Salāṭīn* menjelaskan bahawa ketika pemerintahan Sultan Iskandar Thānī, beliau merupakan seorang pemerintah yang lemah lembut, penyayang dan mudah memaafkan, tetapi tetap tegas menjalankan hukum dan peraturan Islam.

Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī pula datang ke Aceh pada 31 Mei 1637 Masihi daripada India sebagaimana yang dinyatakan oleh Voorhoeve (1951). Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī mengambil alih tempat Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī sebagai Shaykh al-Islam yang sebelumnya pernah memegang gelaran tersebut semasa pemerintahan Sultan Iskandar Muda dan beberapa Sultan sebelumnya (al-Attas 1966). Sebahagian pendapat pula mengatakan beliau memegang jawatan yang lebih besar iaitu Qāḍī Mālik al-'Ādil (Azyumardi Azra 1995).

Semasa penguasaan Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī, berlaku konflik dalam politik dan keilmuan di Aceh. Islam di Aceh telah dikelirukan dengan kesalahfahaman doktrin sufi (Azyumardi 1995). Konflik ini menjadi tegang apabila Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī menentang fahaman tasawwuf yang dibawa oleh Hamzah Fansuri dan Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī sehingga menyesatkan keduanya dan pengikut-pengikut mereka. Al-Ranīrī (1978) menyatakan:

Ketahui olehmu hai saudaraku dan bicarakan dengan hatimu dan sesamai dengan akalmu/akan kata *wujudiyah* yang *dalālah*. Katanya bahawa wujud kita dan wujud semesta sekalian alam itu wujud Allah dan Wujūd Allah itu Wujūd kita dan Wujūd semesta sekalian alam. Hai budiman! Jika benar seperti iktikad *wujudiyah* itu demikian, nescaya jadilah tiap-tiap segala sesuatu daripada segala *hayawanat*, *nabatat*, *jamadat* dan *najasat* sekaliannya itu... Dan lagi jikalau benar seperti kata kaum *Wujudiyah*, insan itu Allah, nescaya jadilah segala kafir dan musyrik dan majusi dan nasara dan cina sekaliannya Allah, dari kerana sekaliannya itu insan jua.

Penentangan ini disebut sebagai golongan yang dikatakan sebagai penganut fahaman *Wahdat al-Wujūd* (pengikut Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī dan Shaykh Hamzah Fansuri) dan penganut *Ithnāniyat al-Wujūd* (Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī dan pengikutnya). Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī telah mendakwa bahawa ajaran tersebut mempunyai unsur kefahaman penyatuan di antara makhluk dan tuhan sehingga mereka yang menganutnya digelar sebagai kafir, *zindiq*, *mulhid* dan sebagainya. Lebih jauh lagi dalam catatan Azyumardi Azra (1995), Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī mengeluarkan fatwa untuk memburu dan membunuh pengikut-pengikut ajaran *wujudiyah* ini kemudiannya buku-buku berkaitan fahaman ini dibakar.

Shaykh Nur al-Dīn al-Ranīrī juga telah mengarang beberapa kitab untuk menyanggah fahaman yang dibawa oleh Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī. Antaranya adalah *Tibyān fī Ma'rifat al-Adyān*, *Hujjat al-Ṣiddīq Li Daf' al-Zindīq* dan *Faṭḥ al-Mubīn 'Alā al-Mulḥidīn*. Shaykh Nur al-Dīn al-Ranīrī juga menghukumkan Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī dan pengikutnya sebagai orang yang *zindiq*, *mulhid*, sesat dan musyrik ketika mana beliau sedang berdebat bersama pengikut Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī (al-Attas 1966).

Dalam *Tibyān*, Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī menjelaskan perumpamaan iktikad mereka dengan golongan-golongan *kuffar* seperti Ahli Falsafah, Majusi, *tanasukh*, *hulul*, dan golongan Brahmin Hindu. Al-Ranīrī berkata sebagaimana yang dipetik dan ditransliterasikan al-Attas (1966):

Ketiga *ta'ifah* daripada Majusi itu bernama Summaniyyah. Adalah mereka itu menyembah tiap-tiap cahaya daripada matahari dan bulan dan bintang dan api

dan barang sebagainya. Seperti katanya adalah sekalian cahaya itu daripada suatu cahaya jua dahulu daripada dijadikan Allah segala makhluk. Maka tatkala dijadikan Allah Ta'ālā segala perkara itu jadi bercerailah segala cahaya itu. Iaitu pada penglihat mata jua, tetapi pada hakikatnya sekalian cahaya itu satu jua, iaitulah Nur Allah. Demikianlah iktikad Hamzah Fansuri. Katanya dalam kitab *Asrār al-'Ārifīn* bahawa cahaya yang pertama-tama cerai daripada Zat Allah itu Nur Muhammad. Maka daripada perkataan ini cenderung kepada mazhab *Tanasukhiyyah*, dan serupa dengan kata falsafah bahawa *haqq* Ta'ālā itu suatu jawhar yang *basīṭ*. Dan demikian lagi iktikad *Wathānīyyah* daripada kaum Barāhimah dan Samiyyah yang mendiami negeri Tubbat.

Polemik politik dan keilmuan di Aceh ini berakhir dengan kehadiran seorang ulama yang hanya dikenali sebagai Shaykh Sayf al-Rijāl al-Azhārī. Nama sebenar beliau masih menjadi perbualan di kalangan para sarjana hingga kini. Tetapi kedatangannya ke dunia Aceh bagi menyelesaikan polemik kesufian itu telah terbukti dengan beberapa catatan antaranya sebagaimana yang dikisahkan oleh Pieter Sourij iaitu pesuruhjaya Syarikat Hindia Timur Belanda (Ito Takeshi 1978).

Seorang ulama Muslim yang baru tiba dari Surat (India) telah menyemarakkan lagi perbahasan (mengenai *wujudīyyah*) kerana mufti negara pada masa itu yang bernama Shaykh Nūr al-Dīn telah mengisytiharkan doktrinnya sebagai sesat.

Menurut Azyumardi Azra (1995), perdebatan ini telah menghuru-harakan Aceh seketika. Ianya dikatakan berlaku sekitar tahun 1643 dan 1644 sebelum kepulangan Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī ke India. Dalam satu keterangan yang lain, banyak percaturan politik yang berlaku dalam istana yang memperlihatkan keadaan sebelum berlakunya perdebatan terbabit umpamanya seperti catatan Pieter Sourij (Ito Takeshi 1978):

Ulama baru yang bernama Sayf al-Rijal ini telah dipanggil menghadap Sultanah Safiyat al-Din dan dianugerahkan dengan kebesaran diraja sehingga dapat dijangkakan bahawa berkemungkinan besar kedudukan besar Shaykh Nur al-Din akan hilang semuanya.

Kedudukan Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī dilihat tergugat setelah Sultan Iskandar Thānī wafat dan digantikan dengan Sultanah Safiyat al-Din. Tambahan lagi dengan kehadiran Shaykh Sayf al-Rijal dan pengikutnya yang ramai telah menggoyahkan lagi kedudukan Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī. Di samping itu, kehadiran Shaykh Sayf al-Rijal dan pengikutnya hendak melancarkan serangan balas terhadap Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī yang telah menggunakan sepenuhnya pengaruh beliau di sisi Sultan Iskandar Thānī hingga mengakibatkan ramai dibunuh termasuk guru Shaykh Sayf al-Rijal sendiri. Selain itu, Sultanah dilihat tidak banyak memihak

kepada Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī sebagaimana yang dirakamkan di atas juga menyebabkan situasi Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī semakin tertekan. Akhirnya Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī merasakan peluangnya amat tipis untuk mempengaruhi Sultanah menentang doktrin tersebut lalu dikatakan beliau berkecil hati kerana tidak mendapat kepercayaan istana lagi berbanding pemerintahan Sultan sebelumnya. Akhirnya beliau meletak jawatan (Vorhoeve 1951).

Setengah pendapat lain mengatakan beliau kalah dalam perdebatan tersebut dan Sayf al-Rijal meraih kemenangan. Hingga pada 27 Ogos 1643, Sayf al-Rijal telah dipanggil ke istana oleh Sultanah sendiri dan menerima layanan sebagai tokoh yang terhormat (Azyumardi Azra 1995). Sesudah itu tidak ada maklumat mengenai Shaykh Sayf al-Rijal tetapi dengan jelas beliau merupakan wakil kepada serangan yang dilancarkan ke atas Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī yang telah menghukum mati pengikut Shaykh Hamzah Fansuri dan Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī selama tujuh tahun.

Apa yang pasti kekalahannya dalam perdebatan tersebut merupakan suatu faktor yang amat penting atas pemergiaannya ini. Setelah lebih 20 tahun kemudiannya iaitu pada 1665M barulah seorang muridnya dapat menyelesaikan kitab tersebut. Namun murid itu sehingga ke hari ini masih belum dapat dikenal pasti secara yakin walaupun dikatakan berkemungkinan ia adalah Shaykh 'Abd al-Ra'ūf al-Fansuri yang kembali ke Aceh pada tahun 1661.

Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī kembali ke kota kelahirannya pada tahun 1644 atau 1645 sebagaimana yang tercatat dalam karyanya *Jawāhir al-'ulūm fī kashf al-ma'lūm* yang tidak sempat diselesaikan penulisannya itu. Di sana beliau menghabiskan 14 tahun sisa hidupnya di Ranir dan akhirnya dikatakan wafat di India pada tahun 1658 dan masih sempat menghasilkan beberapa karya semasa keberadaan beliau di India (Voorhoeve 1951).

Hakikatnya konflik wujudiyah di Aceh ini memberikan impak dan sumbangan yang besar terhadap perkembangan ilmu tasawwuf di Nusantara. Hasil konflik ini telah memberikan jawapan terhadap persoalan wujudiyah yang bermain di kalangan masyarakat Nusantara sehingga peranan dan ilmu mengenai tasawwuf wujudiyah ini diteruskan oleh para ulama sesudah zaman Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī. Secara tidak langsung konflik ini telah meningkatkan pengaruh dan peranan Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī sekaligus menonjolkan sumbangan Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī terhadap perkembangan Islam di Nusantara. Pengikut-pengikut Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī pula sesudah berakhirnya konflik ini telah meneruskan apa yang dibawa oleh Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī. Antara

ulama sesudah zaman Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī yang menjadi pendukung aliran ini adalah Shaykh Abdul Rauf al-Singkli (Azyumardi Azra 1995).

KESIMPULAN

Sumbangan dan peranan Shaykh Shams al-Dīn al-Sumaterā'ī dalam perkembangan Islam di Nusantara diiktiraf oleh ramai sarjana di seluruh dunia. Beliau telah menjadi Qāḍī Mālik al-'Ādil di sepanjang tiga pemerintahan Sultan (T. Iskandar 1966). Beliau telah menjadi rujukan masyarakat dalam apa jua bentuk permasalahan yang berkait dengan keagamaan mahupun politik. Hal ini dibuktikan berdasarkan pendapat yang dikemukakan (T. Iskandar 2001) mengenai penghormatan Ulama Mekah Mir Ja'far dan utusan-utusan dari Portugis yang menunjukkan beliau merupakan tokoh ulama yang berpengaruh dari sudut politik dan keagamaan hingga dikenali di serantau dunia (Van Nieuwenhuijze 1945). Begitu juga hikayat dari *Adat Aceh* (Drews & Voorhoeve 1958) yang menekankan betapa tingginya kedudukan beliau di istana sehingga beliau diberi penghormatan oleh Raja-Raja yang memerintah pada ketika itu. Selain itu juga ketika kewafatan beliau, beliau juga telah dipuji oleh al-Ranīrī (1907) sebagai seorang tokoh ilmuwan yang amat disegani dan tinggi ilmunya, sekalipun Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī menentang pemikiran beliau dari beberapa aspek sehingga mengkafirkan pengikut beliau. Sumbangan terbesar beliau dalam penyebaran Islam di Nusantara adalah pemikiran dan penulisan karya-karya beliau yang masih lagi wujud sehingga ke hari ini. Di antara penulisan beliau yang telah ditemui oleh pengkaji adalah sebanyak 26 buah karya yang boleh didapati di Aceh, Belanda dan Malaysia. Karya-karya beliau merangkumi ilmu di dalam bidang akidah dan tasawwuf. Walaupun ramai sarjana yang meletakkan beliau adalah tokoh tasawwuf, tetapi berdasarkan kepada kajian penulis, beliau juga merupakan seorang tokoh ulama akidah yang hebat dan disegani. Penjelasan-penjelasan dan fatwa-fatwa beliau dalam persoalan akidah dan tasawwuf kesemuanya adalah berlandaskan kepada aliran Ahli Sunah Waljamaah.

RUJUKAN

- A. Hasjmy. 1976. *Ruba'i Hamzah Fansuri, Karya Sastera Sufi Abad XVII*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Hasjmy. 1977. *59 Tahun Aceh Merdeka di Bawah Pemerintahan Ratu*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Abdul Aziz Dahlan. 1999. *Penilaian Teologis atas Paham Wahdat al-Wujud (Kesatuan Wujud) Tuhan Alam Manusia dalam Tasawwuf Syamsuddin Sumatrani*. Padang IAIN: Ib Press.

- al-Attas, Muhammad Naquib. 1966. *Raniri and the Wujudiyah of 17th century Aceh*. Singapore: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Azyumardi Azra. 1995. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Drewes & Voorhoeve. 1958. *Adat Atjeh Reproduce in Facsimile From a Manuscript in the Indian Office Library*. 'S-Gravenhage: Nijhoff-KITLV.
- Hawash Abdullah. 1980. *Perkembangan Ilmu Tasawuf dan Tokoh-Tokohnya di Nusantara*. Surabaya: al-Ikhlās.
- Ito Takeshi. 1984. *The World of The Adat Aceh: A Historical Study of The Sultanate of Aceh*. Tesis Doktor Falsafah. Australian National University.
- Ito Takeshi. 1978. Why did Nuruddin ar-Raniri leave Aceh in 1054 A.H.? Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde. *Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia*. 134(4): 489-491.
- Lancaster, James. 1940. *The voyages of Sir James Lancaster to Brazil and the East Indies*. Pnyt. Foster, Sir William. London: The Hakluyt Society.
- Lombard, Denys. 1986. *Kerajaan Aceh Jaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636)*. Terj. Winarsih Arifin. Jakarta Balai Pustaka.
- al-Ranīrī, Shaykh Nūr al-Dīn. 1907. *Bustān al-Ṣalāṭīn*. Dlm. Niemann. 1907. *Bloemlezing uit Maleische Geschriften, II*. 'S Gravehage: Martinus Nijhoff.
- al-Ranīrī, Shaykh Nūr al-Dīn. 1978. *Mā' al-Ḥayāt Li Ahl al-Mamāt*. Dlm. Ahmad Daudy. 1978. *Syeikh Nuruddin ar-Raniry: Sejarah, Karya dan Sanggahan Terhadap Wujudiyah di Aceh*. Jakarta: Bulan Bintang.
- al-Sumaterā'ī, Shams al-Dīn. t.th. a. *Mirā'at al-Mu'min*. Cod. Or. 1700, University of Leiden.
- al-Sumaterā'ī, Shams al-Dīn. t.th. b. *Risālah Jawāmi' al-'Amal*. MSS 1556(A), Koleksi Arkib Perpustakaan Negara Malaysia.
- al-Sumaterā'ī, Shams al-Dīn. t.th. c. *Anwār al-Daqā'iq fī Kashf Asrār al-Raqā'iq*. MSS 1556 (B), Koleksi Arkib Perpustakaan Negara Malaysia.
- T. Iskandar (pnyt). 1966. *Bustān al-Salāṭīn*. Bab 2. Fasal 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

T. Iskandar. 2001. *Hikayat Aceh*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

Van Nieuwenhuijze, C. A. O. 1945. *Samsu 'L-Din Van Pasai: Bijdrage Tot De Kennis Der Sumatraansche Mystiek*. Leiden: E. J. Brill.

Voorhoeve, P. 1951. Van en over Nuruddin ar-Raniri. Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde. *Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia* 107(4): 353-368.

Winstedt, R. O. 1977. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

